

PEMBAYARAN JAMINAN WANG TUNAI (*SECURITY CASH DEPOSIT*) SECARA BERANSUR-ANSUR.

Peraturan dan syarat-syarat:

1. Pertimbangan ini adalah **pertimbangan khas khusus kepada individu-individu tertentu sahaja** iaitu individu yang bergiat dalam menguruskan tenaga kerja asing sebelum Perintah Agensi Pekerjaan 2004 dilaksanakan sepenuhnya pada 01 Januari 2012 lalu.
2. Pilihan ini **dibukakan untuk pendaftaran selama 3 bulan** sahaja bermula pada tarikh Surat Pemberitahuan Jabatan Buruh Bil 01/2012 dikeluarkan.
3. Pembayaran beransur-ansur hanya boleh dibuat dalam tempoh **4 kali sahaja** sepanjang **12 bulan**. Sekiranya pemohon **gagal** menjelaskan pembayaran minima jaminan wang tunai mengikut tempoh yang ditetapkan (setiap satu tempoh adalah selama 3 bulan), **Kad Wakil Sementara bagi tempoh selanjutnya tidak akan dikeluarkan melainkan tunggakan pembayaran minima bagi tempoh sebelumnya itu berserta dengan pembayaran bagi tempoh berikutnya telah dijelaskan sepenuhnya terlebih dahulu**.
4. Kaedah bayaran secara beransur-ansur ini **mestilah dijelaskan sepenuhnya pada bulan ke 12**. Pembayaran tidak boleh disambung setelah tamatnya tempoh 12 bulan tersebut.
5. **Kadar minima** jaminan wang tunai yang perlu dibayar pada setiap satu tempoh adalah **tidak kurang daripada 25% daripada jumlah keseluruhan bagi setiap kategori lesen** seperti di bawah:

BIL	KATEGORI LESEN	KADAR KESELURUHAN JAMINAN WANG TUNAI	KADAR PEMBAYARAN BAGI SETIAP 3 BULAN
1.	A : Persendirian *(Sila Rujuk Rajah 1)	\$10,000	\$2,500
2.	B : Syarikat *(Sila Rujuk Rajah 2)	\$15,000	\$3,750
3.	C : Gabungan A & B *(Sila Rujuk Rajah 3)	\$20,000	\$5,000

* Contoh pengiraan kadar pembayaran serta penggunaan Kad Wakil Sementara.

6. **Tempoh lesen** agensi pekerjaan yang diberikan adalah masih tetap **selama 24 bulan**. Lesen akan dikeluarkan sebaik sahaja pemohon membuat pembayaran pada kadar 25% daripada jaminan wang tunai yang ditetapkan mengikut kategori lesen.

7. **Kad Wakil Sementara akan** diberikan **mengikut kadar pembayaran** yang telah dijelaskan. Sekiranya pemohon **gagal** menjelaskan mengikut tempoh-tempoh yang telah ditentukan, kad wakil sementara **tidak akan disambung**.
8. **Kad Wakil Sementara diberikan kepada pemilik syarikat sahaja** (tidak diberikan kepada pekerja yang diambil berkhidmat, jika ada).
9. Peraturan-peraturan dan syarat-syarat lain adalah sama seperti pemohon-pemohon yang lain seperti diperlukan untuk menubuhkan syarikat berdaftar, mempunyai ofis / pejabat serta lulus tapisan keselamatan.

Pembayaran ansur-ansur bagi **Kategori A: Persendirian** yang mana **jaminan wang tunai berjumlah \$10,000**



 kad wakil

Pembayaran ansur-ansur bagi **Kategori B : Syarikat** yang mana **jaminan wang tunai berjumlah \$15,000**



Pembayaran ansur-ansur bagi **Kategori C : Gabungan A & B** yang mana **jaminan wang tunai berjumlah \$20,000**

Lesen agensi diberikan sah selama 24 bulan



Jaminan wang tunai hendaklah dibayar sepenuhnya sebelum berakhirnya bulan ke-12

 kad wakil